



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3/2016**

Rujukan : Bil (3) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

14 Jun 2016

**Setiausaha Bandaraya  
Pengarah Kanan Bandaraya /  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh**

Tuan / Puan,

**PENGISYTIHARAN STATUS KONTRAKTOR/PEMBEKAL SEBAGAI EJEN  
PEMUNGUT CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, pihak Jabatan Perbendaharaan mendapati terdapat beberapa tuntutan pembayaran dari pihak kontraktor/pembekal yang tidak dapat diproses kerana status pendaftaran kontraktor/pembekal sebagai ejen pemungut cukai barang dan perkhidmatan yang tidak dapat dikenalpasti.

3. Oleh yang demikian, bagi memastikan masalah ini tidak timbul, pihak Majlis menetapkan supaya setiap kontraktor/pembekal yang berjaya memperolehi tawaran kerja/pembekalan/perkhidmatan dari pihak Majlis hendaklah melengkapkan borang **Pengisytiharan Status Kontraktor/Pembekal Sebagai Ejen Pemungut Cukai Barang Dan Perkhidmatan**. Borang ini akan diserahkan bersekali dengan Surat Setuju Terima semasa kontraktor/pembekal berurusan dibahagian Bekalan dan Perolehan. Dilampirkan borang tersebut sebagai rujukan.

..2/-

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3/2016**

**PENGISYTIHARAN STATUS KONTRAKTOR/PEMBEKAL SEBAGAI AGENT  
PEMUNGUT CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)**

4. Oleh itu, diharap dengan usaha ini akan memudahkan semua jabatan terutamanya Jabatan Perbendaharaan untuk memproses tuntutan pembayaran dari pihak kontraktor/pembekal.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

**“PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI”**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' ZAMRI BIN MAN)  
Datuk Bandar Ipoh